

Bil. (74) dlm. KKM-82/2/6

Tarikh: 16 hb. Disember, 1986

Semua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Negeri.

Semua Pengarah Institusi Perubatan Persekutuan.

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL. 17/1986

Penglabelan Ubat-ubatan Yang Dibekal Kepada Pesakit-pesakit

1. Tujuan

Tujuan surat pekeliling ini ialah untuk memperluaskan penglabelan kesemua ubat-ubatan yang dibekal kepada pesakit-pesakit di semua hospital dan pusat-pusat kesihatan Kementerian Kesihatan.

2. Latarbelakang

Seperti Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, penglabelan nama generik dan kekuatan (strengths) 68 jenis ubat-ubatan yang seringkali dipreskrib telah diperkenalkan sejak Januari 1985. Dalam dua tahun yang lepas sejak pelaksanaan penglabelan ini, maklumbalas yang diterima oleh Kementerian sangat menggalakkan. Kaji selidik yang telah dijalankan di beberapa buah hospital menunjukkan bahawa lebih kurang 90% daripada pesakit-pesakit menghargai amalan penglabelan ini. Maklumbalas dan perbincangan dengan Pakar-pakar Perunding Kanan juga mendapat sokongan yang menggalakkan.

3. Keputusan

- 3.1. Memandangkan bahawa pengalaman pelaksanaan penglabelan ubat-ubatan dalam jangkamasa dua tahun kebelakangan ini telah menunjukkan kebaikan yang ketara, Kementerian telah membuat keputusan untuk memperluaskan peraturan penglabelan supaya merangkumi semua ubat-ubatan yang dibekal kepada pesakit-pesakit. Dalam pelaksanaan penglabelan ini, nama generik ubat-ubatan hendaklah digunakan kecuali apabila keadaan tidak mengizinkan misalnya, nama generik yang terlalu panjang atau persediaan kombinasi yang kompleks.

3.2. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai lhb. Januari 1987.


4. Sila pastikan kandungan surat pekeling ini dibawa ke pengetahuan semua pegawai dan kakitangan yang terlibat di semua hospital dan pusat-pusat kesihatan dalam negeri masing-masing.

5. Pengarah Perkhidmatan Farmasi di Kementerian ini adalah dipertanggungjawabkan mengesan (monitor) pelaksanaan surat pekeling ini.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



~~TAN SRI DATUK (DR.) ABDUL KHALID BIN SAHAN~~
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.

s.k. Ketua Setiausaha,
Kementerian Kesihatan.

Semua Ketua Bahagian.

Semua Pegawai Farmasi Negeri dan Institusi.